

Jumlah taburan hujan tinggi

» **MBSA lantik perunding, pantau kontraktor**

Oleh Norrasidah Arshad dan Suzaini Sulaiman
bhnews@bh.com.my

■ **Shah Alam**

Banjir kilat di sekitar bandar raya ini kelmarin, hingga menenggelamkan beberapa kenderaan berpunca daripada jumlah taburan hujan yang tinggi.

Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata berdasarkan rekod Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, taburan hujan kelmarin dicatatkan pada paras 103 milimeter (mm) berbanding sebelum ini, kurang 90mm.

Berikutan itu, katanya, MBSA sudah melantik perunding bagi mengkaji dan memberi cadangan mengenai penambahbaikan untuk menangani masalah ini, terutama sekitar Seksyen 13.

"Pada masa sama, MBSA memantau kerja dilakukan kontraktor pembersihan bagi memastikan longkang dan parit di kawasan itu diselenggara, sekali gus membantu aliran hujan mengalir dengan baik," katanya kepada BH, semalam.

Shahrin berkata, orang ramai yang mahu membuat aduan mengenai bencana alam seperti ribut, tanah runtuh dan pokok tumbang boleh menghubungi bilik gerakan



Air mula melimpah di atas jalan akibat banjir kilat di Seksyen 13, Shah Alam.

[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH]

MBSA di 03-55105811 yang beroperasi 24 jam.

Bersiap sedia

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat, berkata balai bomba dan penyelamat di seluruh Selangor sudah diarahkan supaya bersiap sedia dan melakukan rondaan bagi memastikan bantuan sampai segera.

Semalam, beberapa kawasan sekali lagi dinaiki air sehingga mencecah setengah meter selepas hujan lebat lebih sejam bermula jam 3.30 petang iaitu di Seksyen 13 berhampiran Stadium Shah Alam, Padang Jawa, Seksyen 7,

Seksyen 9, Seksyen 2 serta Jalan Batu Tiga Lama, namun surut sejam kemudian.

Malah, Plaza Tol Sungai Rasau juga terpaksa ditutup selepas dinaiki air petang semalam, selain perkhidmatan komuter menghala Pelabuhan Klang turut tergendala selepas Stesen Komuter Batu Tiga mengalami banjir kilat.

Sejak Ahad lalu, Bandar Puncak Alam dinaiki air, manakala beberapa kawasan rendah di bandar raya ini turut mengalami banjir kilat apabila hujan lebat pada tengah hari kelmarin sehingga menyebabkan beberapa laluan terpaksa ditutup dan berpuluh-puluh

kereta terkandas.

Keadaan kembali pulih

Tinjauan BH di Bandar Puncak Alam pagi semalam mendapati keadaan kembali pulih dan penduduk sudah kembali ke rumah masing-masing, manakala pekerja Majlis Daerah Kuala Selangor dilihat menyelenggara longkang di kawasan itu.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendent Mohd Taib Ahmad, berkata, sehingga jam 6 petang semalam, 117 mangsa banjir masih berada di dua pusat pemindahan sementara iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Kerayong dan Balai Raya Kampung PT Mahang.